

# STATUS LADANG HUTAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Mohd Radhi Chu bin Abdullah<sup>1</sup> dan Asri bin Draman<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

E-mail: asri\_draman@forestry.gov.my

## ABSTRAK

Program Pembangunan Ladang Hutan telah dibangunkan bagi mengurangkan tekanan terhadap sumber bekalan kayu terutamanya daripada Hutan Simpanan Kekal yang semakin meningkat dan perancangan perlu dilakukan bagi meningkatkan bekalan kayu kayan di masa hadapan. Sejarah pembangunan ladang hutan di Semenanjung Malaysia telah bermula pada sebelum tahun 1950an dan beberapa plot percubaan ladang hutan telah berjaya diwujudkan dengan hasrat untuk meneroka potensi beberapa spesies kayu tropika eksotik dan asli terpilih yang cepat tumbuh untuk ditanam dalam bentuk ladang. Bagi menjayakan program pembangunan ladang hutan, kerajaan telah menetapkan dasar-dasar yang menyokong pembangunan ladang hutan melalui Dasar Perhutanan Negara 1978, Dasar Perhutanan Negara 1978 Pindaan 1992, Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP 2009-2020), Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia, Dasar Perhutanan Malaysia dan Dasar Agrikomoditi Negara 2021 – 2030. Pemilihan spesies adalah berdasarkan beberapa kriteria penting seperti cepat membesar dan mampu mencapai saiz berukuran kayu balak kecil dalam tempoh 15 tahun, kayu yang sesuai untuk dijadikan bahan kegunaan am, mudah ditanam sebagai spesies ladang hutan, dan mudah untuk mendapatkan bekalan anak pokok atau biji benih bagi menjayakan program ini. Sehingga Disember 2023, seluas 144,651.64 hektar telah ditanam dengan pelbagai spesies cepat tumbuh di dalam Zon Pembangunan Ladang Hutan dalam Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan pihak berkepentingan dalam menjayakan program pembangunan ladang hutan. Isu-isu seperti konflik pengurusan ladang hutan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, penyelarasan tanggungjawab di antara agensi, komitmen penanaman oleh pengusaha, kawalan perosak dan penyakit pokok, bekalan bahan tanaman yang berkualiti, keperluan pekerja mahir dalam sektor ladang hutan, kekurangan pengalaman dan modal pusingan dan keperluan dasar European Union Deforestation-Free Regulation (EUDR) yang perlu diselesaikan bagi memastikan kejayaan pembangunan ladang hutan. Inisiatif untuk melaksanakan moratorium penubuhan ladang hutan dalam Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung merupakan satu komitmen Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi memastikan pembangunan ladang hutan, selari dengan dasar dan objektif penubuhan Zon Penubuhan Ladang Hutan dalam Hutan Simpanan Kekal dengan mengambil kira kepentingan sosioekonomi dan khazanah kepelbagaian biologi negara serta menjamin kestabilan alam sekitar.

**Kata Kunci:** Ladang Hutan, Zon Pembangunan Ladang Hutan

## LATAR BELAKANG

Malaysia secara tradisinya bergantung kepada sumber kayu daripada hutan semula jadi. Namun, keprihatinan terhadap pengurusan hutan secara berkekalan telah menjadi isu yang sering diperkatakan. Penggunaan konsep pembalakan untuk mendapatkan sumber kayu daripada Catuan Tebangan Tahunan (CTT) dengan hanya bergantung kepada hutan asli sahaja, maka jumlah kayu akan menjadi semakin kurang. Konsep pembalakan perlu diseimbangkan dengan keperluan kita untuk memelihara Alam sekitar. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) komited untuk memelihara keseimbangan hutan yang baik untuk selama-lamanya termasuk pemeliharaan biodiversiti dan fungsi ekosistem. Ini bermakna lebih banyak sumber kayu perlu diperolehi daripada sumber lain sebagai contoh industri perladangan hutan dan pengimportan kayu daripada luar negara.

Penubuhan ladang hutan merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan bagi memastikan bekalan bahan mentah yang berterusan bagi pertumbuhan industri perikanan terus berdaya saing di negara ini. Penubuhan ladang hutan bukan sahaja sebagai satu usaha untuk mendapatkan bekalan kayu yang berterusan, malah untuk menggantikan kawasan miskin dan terosot kepada kawasan yang lebih produktif dengan menanam spesies

tempatan atau eksotik yang mempunyai kadar tumbesaran yang cepat dan bermutu tinggi.

Dalam konteks ini, ladang hutan didefinisikan sebagai kawasan yang ditanam dengan pokok atau tumbuh-tumbuhan hutan, sama ada daripada spesies tempatan atau dagang, dengan kaedah tanaman secara terbuka yang luasnya tidak kurang daripada 50ha. Ladang hutan boleh merangkumi kawasan yang terletak di dalam atau di luar Hutan Simpanan Kekal (HSK).

Penanaman pokok daripada jenis cepat tumbesar yang dikenali sebagai Projek Ladang Hutan Kompensatori mula dilancarkan pada tahun 1982. Sehingga akhir Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7), seluas 55,648 ha ladang hutan kompensatori telah ditubuhkan, dengan tanaman tiga (3) spesies utama iaitu *Acacia mangium*, Batai (*Paraserianthes falcataria*) dan Yamane (*Gmelina arborea*). Tanaman ini dijangka dapat menghasilkan sebanyak 180m<sup>3</sup> sehektar kayu balak kecil untuk kegunaan am pada pusingan tebang 15 tahun.

Pada masa sekarang, tekanan terhadap sumber bekalan kayu terutamanya daripada Hutan Simpanan Kekal semakin meningkat dan perancangan perlu dilakukan bagi meningkatkan bekalan kayu kayan di masa hadapan melalui penubuhan ladang hutan.

## Sejarah Penubuhan Ladang Hutan

Secara keseluruhannya, pembangunan ladang hutan di Semenanjung Malaysia boleh dihuraikan dalam tiga (3) fasa pembangunan, iaitu era awal, era Pine dan era Program Perladangan Hutan Kompensatori (CFPP). Sebelum tahun 1950-an beberapa plot percubaan ladang hutan telah berjaya diwujudkan dengan hasrat untuk meneroka potensi beberapa spesies kayu tropika eksotik dan asli terpilih yang cepat tumbuh untuk ditanam dalam bentuk ladang terutamanya untuk pemulihan dan penghutan semula tanah yang terosot akibat pembalakan tidak terkawal dan pencerobohan haram. Walau bagaimanapun, pada tahun 1950-an, penanaman percubaan secara skala komersial yang pertama iaitu spesies Jati (*Tectona grandis*) telah berjaya dijalankan oleh Jabatan Perhutanan di Perlis dan Kedah. Spesies ini dipilih memandangkan reputasinya sebagai kayu berkualiti tinggi di pasaran antarabangsa. Pada awal 1970-an, penubuhan ladang hutan untuk pengeluaran pulpa untuk kertas di negara ini telah diberi keutamaan yang tinggi oleh Kerajaan memandangkan permintaan terhadap kertas dan produk kertas di negara ini meningkat dengan pesat. Projek perintis ini telah mengenal pasti spesies Pine (*Pinus caribea var Hondurenses*) sebagai spesies utama. Ini boleh dianggap sebagai era Pine. Dua kawasan utama yang dikenal pasti untuk projek itu ialah Hutan Simpan Ulu Sedili di Johor dan Hutan Simpan Kemasul di Pahang. Walau bagaimanapun, penubuhan ladang adalah perlahan kerana kesukaran mendapatkan bekalan biji benih dan masalah teknikal lain. Pada masa yang sama, Kerajaan juga memutuskan untuk menangguhkan rancangan penubuhan kilang pulpa dan kertas. Disebabkan itu, projek itu dihentikan.

Kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perhutanan pada tahun 1979 mengunjurkan bahawa akan berlaku kekurangan bekalan balak pada masa hadapan. Sehubungan itu, pada tahun 1982, Program Perladangan Hutan Kompensatori (CFPP) telah dilancarkan di Semenanjung Malaysia dan ini boleh dianggap sebagai era Perladangan Kompensatori dengan matlamat penubuhan seluas 188,200.00 hektar dalam tempoh 15 tahun bermula dari Rancangan Malaysia ke-4. Objektif utama projek ini adalah untuk menambah bekalan kayu melalui penanaman spesies kayu keras untuk menghasilkan kayu utiliti am untuk industri. Pelaksanaan projek bermula pada tahun 1982 di empat (4) negeri dan sehingga tahun 1984 seluas 1,850 hektar ladang hutan dari spesies-spesies cepat tumbuh telah ditubuhkan. Sehingga akhir tahun 1989 seluas 37,188.00 hektar ladang hutan telah ditubuhkan. Spesies seperti Akasia (*Acacia mangium*), Yemane (*Gmelina arborea*) dan Batai (*Paraserianthes falcataria*) telah ditanam. Ini merupakan kejayaan pertama penubuhan ladang hutan secara jabatan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan di Semenanjung Malaysia. Salah satu kekangan pelaksanaan projek ini adalah kekurangan peruntukan pinjaman yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri. Untuk mengatasi masalah sumber kewangan. Projek ladang hutan kompensatori di Semenanjung Malaysia telah dilaksanakan melalui pinjaman Bank Pembangunan Asia (ADB) dan Kerajaan Persekutuan. Sehingga akhir tahun 1999, sejumlah RM124.66 juta telah diagihkan dan dibelanjakan oleh negeri-negeri berkenaan. Pinjaman ADB telah ditamatkan pada Oktober 1995 dan pinjaman seterusnya adalah dari komponen Kerajaan Persekutuan. Pembayaran balik pinjaman mengikut perjanjian bermula pada tahun 1998 dan berakhir pada tahun 2018.

Projek Ladang Hutan Kompensatori di Semenanjung Malaysia yang ditanam dengan spesies cepat tumbuh telah menghasilkan kayu melalui aktiviti penjarangan. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perusahaan Utama telah mengeluarkan arahan bagi tindakan moratorium ladang hutan pada tahun 1992 dan pembukaan semula moratorium ladang hutan pada tahun 1994. Walau bagaimanapun, terdapat perubahan dalam dasar Kerajaan bahawa pembangunan perladangan harus dilaksanakan oleh sektor swasta.

Setelah itu, pemilihan spesies yang sesuai untuk penubuhan ladang hutan diteruskan. Dengan peningkatan penggunaan kayu getah untuk perabot, pokok getah (*Hevea brasiliensis*) diberi penekanan sebagai spesies perladangan. Spesies lain yang dipertimbangkan, termasuk Jati (*Tectona grandis*), Sentang (*Azadirachta excelsa*), Mahogani (*Swietenia macrophylla*) dan Khaya (*Khaya ivorensis*). Pihak Jabatan Perhutanan juga telah berjaya mengenalpasti kebolehlaksanaan spesies ladang yang diperkenalkan ditanam secara monokultur kepada pihak pelabur swasta dalam meningkatkan sumber bahan mentah untuk tujuan keperluan industri.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Mac 2005 telah bersetuju Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) menerajui pelaksanaan program tanaman ladang hutan. Melalui Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP), kerajaan mensasarkan sebanyak 375,000 hektar ladang hutan komersil ditubuhkan dalam jangka masa 15 tahun bermula tahun 2006 hingga 2020. Dasar ini mensasarkan penanaman ladang hutan seluas 25,000 hektar perlu dicapai setiap tahun dengan jangkaan pengeluaran kayu sebanyak 5 juta meterpadu/tahun dengan anggaran pengeluaran 200 meter padu kayu sehektar selepas tempoh kematangan 15 tahun. Manakala bagi Semenanjung Malaysia, disasarkan seluas 187,500 hektar dengan unjuran purata pengeluaran kayu tahunan dari kawasan ladang hutan sebanyak 2.5 juta meterpadu/tahun.

## **DASAR-DASAR YANG BERKAITAN DENGAN PEMBANGUNAN LADANG HUTAN**

### **Pelaksanaan Dasar E: Pembangunan Industri Kayu/Kayan, Dasar Perhutanan Negara 1978**

Dasar Perhutanan Negara telah dipersetujui dan disahkan oleh Majlis Tanah Negara pada 10 April 1978. Pengisytiharan dasar ini, usaha-usaha pembangunan, penyelidikan dan pengurusan sumber hutan dapat dijalankan secara teratur dan saintifik sejajar dengan konsep “sustained yield”. Dasar ini juga memberi garis panduan yang kukuh bagi menjamin pengekalan khazanah negara yang boleh diperbaharui, supaya sektor perhutanan akan sentiasa dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan sosio-ekonomi negara dengan berkekalan sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Di dalam dasar ini, Pembangunan Perindustrian Kayu/Kayan adalah termasuk sebagai salah satu daripada komponen pelaksanaan dasar.

### **Dasar Perhutanan Negara 1978 Pindaan 1992**

Dasar Perhutanan Negara 1978 kemudiannya dipinda pada 25 Ogos 1992. Di dalam Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) ini, terdapat lapan (8) provisa baharu yang telah dimasukkan disamping provisa-provisa yang sedia ada untuk meningkatkan pemeliharaan, pengurusan, perlindungan, penggunaan dan pembangunan sumber-sumber hutan. Salah satu provisa yang dimasukkan adalah berkaitan Perladangan Hutan. Kenyataan Dasar 2.2.7 adalah Untuk Menubuhkan ladang-ladang hutan daripada spesies-spesies tempatan dan luar negeri bagi menampung bekalan daripada hutan asli.

### **Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP 2009-2020)**

Menyedari bahawa penawaran kayu dari kawasan hutan yang semakin berkurangan, Dasar Perindustrian Kayu Negara (National Timber Industry Policy - NATIP) telah dilancarkan pada tahun 2009. NATIP merupakan dasar bersepadu mengenai perancangan pembangunan industri perkayuan negara bagi tempoh 2009-2020 dengan objektif; untuk menyediakan polisi dan halatuju industri perkayuan negara, memastikan pertumbuhan yang selari antara pembangunan, industri perkayuan hiliran dan hulu, meningkatkan kapasiti dan persaingan industri untuk memenuhi permintaan dan cabaran di peringkat global. Dasar ini mensasarkan peningkatan nilai eksport kayu dan produk kayu kepada RM53 bilion eksport pada tahun 2020 dari pendapatan industri perkayuan. Dasar ini dirasmikan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia iaitu Datuk Seri Najib Bin Tun Razak pada 17 Februari 2019.

## **Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia (TERAS 4: Kesejahteraan Ekonomi Dan Kesenambungan Industri; STRATEGI 5: Mengalakkan Pembangunan Hutan Ladang untuk Pengeluaran Kayu dan Bukan Kayu)**

Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia telah dilancarkan pada tahun 2021. Dasar ini telah digubal semula berasaskan kepada kajian semula Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992). Di bawah dasar baru ini, melalui Teras 4, Strategi 5, Pembangunan ladang hutan akan dipergiatkan di hutan tanah kerajaan, tanah rizab, tanah bermilik, kawasan terosot dan kawasan-kawasan miskin di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang sesuai bagi meningkatkan pengeluaran kayu dan bukan kayu.

### **Dasar Perhutanan Malaysia**

Dasar Perhutanan Malaysia telah digubal dengan mengambil kira aspek utama ketiga-tiga polisi perhutanan Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kenyataan, Rasional dan Objektif Dasar dalam Dasar Perhutanan Malaysia adalah bersifat umum dan menjadi rujukan serta panduan bagi ketiga-tiga wilayah dalam menggubal dasar dan strategi di wilayah masing-masing. Penilaian dan semakan semula dasar perhutanan serta perundangan akan dibuat dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa undang-undang dan dasar-dasar adalah selaras dengan perkembangan terkini dalam pengurusan hutan di peringkat nasional dan antarabangsa. Dasar ini telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Ke-8, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 21 Mac 2021.

Di bawah Dasar Perhutanan Malaysia, satu pelan tindakan berkaitan penubuhan ladang hutan telah diwujudkan melalui Teras 4 : Kesejahteraan Ekonomi Dan Kesenambungan Industri, Strategi 5 iaitu Mengalakkan Pembangunan Ladang Hutan Untuk Pengeluaran Kayu dan Bukan Kayu. Teras 4 ini menyatakan potensi hutan ladang untuk menjadi sumber utama bekalan bahan mentah untuk industri hutan pada masa akan datang. Tindakan akan dipergiatkan dalam pembangunan ladang hutan di tanah kerajaan, tanah rizab, tanah bermilik, kawasan terosot dan kawasan hutan miskin dalam HSK yang sesuai bagi meningkatkan pengeluaran kayu dan bukan kayu selain memberi galakan penubuhan ladang hutan di luar HSK.

### **Dasar Agrikomoditi Negara (STRATEGI: Kesenambungan Program Pembangunan Ladang Hutan melalui Program Pembangunan Ladang Hutan 2.0 (PPLH 2.0))**

Selain itu, Dasar yang berkaitan dengan penubuhan ladang hutan adalah Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN 2030). Dasar ini menggariskan hala tuju pembangunan industri agrikomoditi negara yang merangkumi lapan komoditi utama termasuk industri perikanan. Penggubalan dan hala tuju dasar itu adalah berteraskan kepada Agenda Nasional seperti Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030), Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) dan Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN3). Dasar digubal bagi memastikan sektor itu terus dipacu dan memberi sumbangan secara berterusan kepada negara melalui Keluaran Dalam Negara Kasar (KDKN) dan pendapatan eksport.

### **PEMILIHAN SPESIES LADANG HUTAN**

Walaupun semua spesies yang ditanam ini adalah spesies cepat tumbuh, ini tidak bermakna spesies-spesies tempatan tidak dipertimbangkan untuk turut ditanam di dalam ladang hutan. Spesies-spesies ini telah dipilih berdasarkan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

- (i) Kadar pertumbuhan yang tinggi dan cepat membesar dan berupaya mencapai saiz diameter sekurang-kurangnya 30 cm (kayu balak kecil) dalam tempoh 15 tahun;
- (ii) Menghasilkan kayu yang berkualiti, pelbagai guna dan pasaran yang baik;
- (iii) Mudah ditanam sebagai spesies ladang hutan; dan
- (iv) Mudah untuk mendapatkan bekalan anak pokok atau biji benih.

Spesies- spesies yang dibenarkan untuk ditanam sebagai ladang hutan di dalam HSK mengikut Garis Panduan Penubuhan Ladang JPSM adalah seperti berikut:

a) Spesies cepat tumbuh dan termasuk di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) di bawah kelolaan MTIB

- (i) Akasia (*Acacia mangium*)
- (ii) Batai (*Paraserianthes falcataria*)
- (iii) Binuang (*Octomeles sumatrana*)
- (iv) Jati (*Tectona grandis*)
- (v) Kelempayan (*Neomalacckia cadamba*)
- (vi) Khaya (*Khaya ivorensis*)
- (vii) Sentang (*Azadirachta excelsa*)
- (viii) Sesenduk (*Endospermum malaccense*)
- (ix) Eucalyptus spp

b) Bagi spesies yang bermutu tinggi dan merupakan spesies tempatan adalah seperti berikut :

- (i) Jelutong (*Dyera costulata*)
- (ii) Kapur (*Dryobalanops aromatica*)
- (iii) Meranti Sarang Punai (*Shorea parvifolia*)
- (iv) Meranti Temak Nipis (*Shorea roxburghii*)
- (v) Meranti Tembaga (*Shorea leprosula*)
- (vi) Merawan Siput Jantan (*Hopea odorata*)

## STATUS SEMASA PEMBANGUNAN LADANG HUTAN

Sehingga Disember 2023, seluas 144,651.64 hektar telah ditanam dengan pelbagai spesies cepat tumbuh di dalam Zon Pembangunan Ladang Hutan dalam Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia. Perincian spesies-spesies yang telah di tanam di dalam Hutan Simpanan Kekal seperti dalam **Jadual 1** di bawah.

**Jadual 1: Jumlah keluasan (ha) bagi spesies ladang hutan yang telah ditanam dalam Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia**

Bil.	Spesies yang telah ditanam	Keluasan (ha)
1.	Getah Klon Balak	72,139.09
2.	Akasia	21,197.48
3.	Batai	13,503.89
4.	Eucalyptus	4,891.04
5.	Jati	2,146.85
6.	Kelempayan	2,051.50
7.	Lain-lain spesies	28,721.79
	<b>JUMLAH</b>	<b>144,651.64</b>

## ISU DAN CABARAN

### Konflik dalam pengurusan ladang hutan antara Kerajaan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri

Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan dibaca bersama Senarai II dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hutan adalah di bawah bidang kuasa negeri. Kerajaan Negeri mempunyai hak mutlak ke atas sumber hutan. Di bawah peruntukan ini, Badan Perundangan sesuatu negeri boleh membuat dan menerima pakai sesuatu undang-undang dan peraturan bagi urus tadbir dan pengurusan hal-hal perhutanan di dalam negeri berkenaan. Kerajaan Persekutuan hanya memberikan nasihat dan bantuan teknikal kepada negeri tentang pengurusan dan pembangunan hutan, penyelidikan dan latihan. Dalam hubungan ini, kerjasama rapat di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri mengenai hal-hal

perhutanan adalah penting.

Bagi tujuan penyelarasan di peringkat nasional, Majlis Tanah Negara (MTN) telah ditubuhkan pada 22 Januari 1958 mengikut Peruntukan Perkara 91(5) Perlembagaan Persekutuan dalam usaha untuk memudahkan cara penyelarasan dan penyeragaman dasar urus tadbir sektor-sektor berkaitan tanah, perlombongan, pertanian dan perhutanan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui perundingan dari semasa ke semasa. Ini membolehkan segala isu dan masalah yang berkaitan dengan dasar, pentadbiran dan pengurusan perhutanan dapat diselaraskan dan penyelesaian ke atas semua perkara berkenaan dapat dilihat dari segi kepentingan nasional.

## **Penyelarasan Tanggungjawab dan Tindakan Pelbagai Agensi Di Peringkat Negeri**

Pembangunan ladang hutan bukan sahaja melibatkan Jabatan Perhutanan sahaja tetapi juga melibatkan tadbir urus dan bidang kuasa pelbagai agensi lain sebagai contoh Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Kerjasama antara agensi kerajaan dan sektor swasta adalah diperlukan bagi memastikan pelaksanaan dasar, program dan inisiatif pembangunan ladang hutan mencapai keberhasilan yang telah ditetapkan. Aspek penyelarasan pemantauan dan pengawalan aktiviti-aktiviti pembangunan projek ladang hutan di bawah bidang kuasa agensi-agensi perlu diberikan perhatian supaya tidak berlaku percanggahan tugas dan ketidakcekapan.

## **Kawasan yang telah diusahasil bagi tujuan pembangunan ladang hutan tetapi belum ditanam sepenuhnya**

Beberapa faktor penting yang menyumbang kepada kelewatan pihak kontraktor dalam pelaksanaan penanaman pokok daripada spesies ladang dilihat akan memberi kesan kepada jumlah meterpadu kayu yang akan dihasilkan. Di antara faktor – faktor yang berkemungkinan menjadi punca kepada kelewatan penanaman adalah seperti berikut:

- (i) Kekurangan pekerja untuk aktiviti penanaman;
- (ii) Kontraktor pembalok dan pengusaha ladang adalah dalam kalangan syarikat yang berbeza;
- (iii) Kekurangan modal pusingan; dan
- (iv) Perancangan pembangunan ladang hutan tidak mengikut Rancangan Pengurusan Ladang Hutan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

## **Kawalan perosak dan penyakit pokok dalam Zon Pembangunan Ladang Hutan dan spesies yang disenaraikan di dalam *Invasive Alien Species* (IAS)**

Pelbagai perosak dan penyakit pokok yang telah dikenalpasti di dalam Zon Pembangunan Ladang Hutan diantaranya seperti serangan serangga pada daun, serangan serangga pada batang pokok, serangan penyakit pada daun, serangan penyakit pada batang, dan serangan penyakit pada akar. Merujuk kepada *National Action Plan on Invasive Alien Species (2021 – 2025)* yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian telah menyenaraikan spesies *Acacia mangium* sebagai spesies asing merbahaya kepada habitat dan ekosistem hutan. Dalam hal ini, pematuhan kepada Prinsip 6.9.4: Penilaian terhadap ladang hutan yang ditubuhkan dengan spesies terpilih melalui pemantauan petak-petak contoh kekal untuk mengesan kematian, penyakit atau wabak serangga yang luar biasa dan pengenalan tumbuhan-tumbuhan invasif, untuk mengelakkan kesan-kesan ekologi yang buruk - Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Mampan (MC&I SFM) hendaklah dipatuhi bagi mengelakkan penarikan semula persijilan ini. Bagi kawasan yang telah ditanam dengan spesies invasif, dokumen rekod-rekod tindakan yang diambil untuk mengawal penyebaran spesies eksotik yang invasif, rekod-rekod pemantauan ladang hutan yang ditubuhkan dengan spesies eksotik, laporan dan analisis tapak semaian dan percubaan di lapangan seperti *provenance trials* ke atas spesies terpilih yang digunakan dalam penubuhan ladang hutan keputusan-keputusan analisis petak contoh kekal hendaklah dilaksanakan dan direkodkan. Di antara kesan lain adalah akan menyebabkan kayu daripada spesies ini tidak boleh diekspor ke luar negara yang mengamalkan standard persijilan yang diiktiraf terutamanya negara-negara Eropah.

## **Bekalan bahan tanaman yang dibawa daripada luar negara bagi tujuan pembangunan ladang hutan**

Pembangunan sumber manusia dan keperluan kewangan adalah asas utama dalam menyediakan bekalan bahan tanaman bagi aktiviti pembangunan ladang hutan. Sumber manusia adalah komponen penting dalam menjayakan perancangan dan pengurusan sesebuah tapak semaian bagi tujuan penubuhan ladang hutan. Bagi meningkatkan keupayaan dan kecekapan pengurusan sesebuah tapak semaian, pembangunan sumber manusia melalui latihan dan kursus secara berterusan perlu dilaksanakan. Keperluan kewangan yang kukuh akan dapat membantu dalam melancarkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti di tapak semaian. Keperluan kewangan melibatkan perbelanjaan pembangunan dan pengurusan tapak semaian. Di antara kaedah yang lebih cepat adalah dengan mengimport anak benih daripada luar negara, namun terdapat isu lain yang perlu dilihat seperti persijilan anak benih yang dibawa masuk seperti *Eucalyptus spp* yang tidak mempunyai persijilan bahan tanaman daripada pihak berkuasa yang bertanggungjawab. Dibimbangi perkara ini akan menimbulkan penyakit-penyakit baru ke negara kita menyebabkan sesuatu kawasan pengeluaran yang tidak produktif yang boleh mengurangkan bekalan kayu negara.

## **Keperluan pekerja mahir dalam sektor perladangan hutan**

Pekerja mahir dalam sektor hutan dan ladang hutan melibatkan tugas-tugas yang berkaitan dengan pengurusan dan pemeliharaan kawasan hutan, pengeluaran kayu, dan aktiviti-aktiviti yang berhubungan dengan alam semula jadi. Berikut adalah beberapa contoh tugas yang mungkin dijalankan oleh pekerja mahir dalam sektor ladang hutan:

- (i) Penebangan untuk pengeluaran kayu;
- (ii) Bertanggungjawab untuk aktiviti penanaman semula hutan selepas penebangan;
- (iii) Pemantauan kesihatan hutan, pengawasan terhadap aktiviti-aktiviti merosakkan seperti penebangan haram, dan memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan konservasi hutan.
- (iv) Menjaga keseimbangan ekosistem dan habitat semula jadi. Seperti pengurusan tumbuhan invasif dan pemeliharaan ekosistem;
- (v) Pencegahan dan pengurusan kebakaran; dan
- (vi) Pengawalan perosak dan penyakit pokok.

Sebahagian besar pekerja asing yang sering berpindah dan bertukar kerja ke sektor lain menyebabkan pihak pengusaha ladang hutan sukar untuk melahirkan pekerja mahir dalam industri perladangan hutan. Usaha-usaha oleh pelbagai pihak perlu dilaksanakan untuk memastikan pekerja-pekerja asing boleh bekerja tetap di dalam kawasan pembangunan ladang hutan. Pekerja mahir dalam sektor ladang hutan memainkan peranan penting dalam menjaga keselamatan, kelestarian, dan kelestarian sumber hutan dan alam sekitar. Mereka perlu mempunyai pengetahuan mendalam tentang ekologi hutan, kemahiran teknikal, dan kesedaran terhadap isu-isu konservasi.

## **Kontraktor kurang pengalaman dan kekurangan modal pusingan**

Pihak kontraktor memerlukan pengetahuan dan pengalaman dalam mengusahakan suatu pembangunan ladang hutan. Di antara perkara-perkara yang perlu dilihat adalah seperti maklumat asas kawasan projek, konsep pembangunan projek, kawalan, pemantauan, penilaian dan keselamatan, modal insan, dan kewangan. Faktor kewangan memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan kawasan pembangunan ladang hutan. Pihak berkepentingan di dalam bidang pembangunan ladang hutan seharusnya menggunakan ruang dan peluang melalui Dasar Perindustrian Kayu Negara (National Timber Industry Policy - NATIP) (NATIP 2009-2020) yang memperuntukan pinjaman mudah bagi Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) adalah berjumlah RM1.008 bilion bagi tempoh 2007-2020 dan diteruskan melalui PPLH 2.0 dengan peruntukan sebanyak RM500 juta di bawah Projek Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) bagi tempoh 2021-2025. PPLH 2.0 ini akan menyasarkan pembangunan ladang hutan bagi kawasan seluas 50,000 hektar untuk tempoh 5 tahun.

## **Penyelidikan yang berkesan memerlukan masa untuk meningkatkan kualiti pengurusan**

## ladang hutan

Penyelidikan pembangunan ladang hutan melibatkan kajian mendalam mengenai pelbagai aspek yang berkaitan dengan pengembangan, pengurusan, dan pemeliharaan kawasan hutan yang dimanfaatkan untuk ladang hutan. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengembangkan amalan terbaik bagi pemeliharaan alam sekitar untuk mencapai hasil yang berterusan. Berikut adalah beberapa aspek yang mungkin menjadi fokus utama dalam penyelidikan pembangunan ladang hutan:

- (i) Kelestarian sumber yang berterusan daripada ladang hutan;
- (ii) Kesesuaian kawasan pembangunan ladang hutan;
- (iii) Ketersediaan bekalan bahan tanaman;
- (iv) Perosak dan penyakit yang berpotensi menyerang kawasan ladang hutan;
- (v) Pengurusan air dan tanah;
- (vi) Pemuliharaan ekologi dan ekosistem;
- (vii) Kelestarian ekonomi;
- (viii) Keselamatan dan kesihatan pekerja; dan
- (ix) Kajian kes kejayaan pembangunan ladang hutan.

Kerjasama di antara agensi kerajaan, pihak penyelidik, dan pihak berkepentingan adalah penting sebagai penentu landasan bagi projek pembangunan ladang hutan. Peningkatan kajian R&D oleh institusi-institusi penyelidikan serta sektor swasta boleh meningkatkan lagi kualiti pokok untuk menjamin sumber hutan yang berkekalan dan berterusan di masa hadapan. Antara keperluan penyelidikan seperti kesesuaian kawasan pembangunan ladang hutan, ketersediaan bekalan bahan tanaman, perosak dan penyakit yang berpotensi menyerang kawasan pembangunan ladang hutan, pemuliharaan dan rangkaian ekosistem dalam kawasan pembangunan ladang hutan.

## European Union Deforestation-Free Regulation (EUDR) kepada sektor kayu-kayan

Dasar baharu oleh negara-negara Eropah (EU) yang diperkenalkan akan memberi tekanan kepada sumber kayu daripada ladang hutan yang dibangunkan. Dasar baharu yang diperkenalkan diantaranya memerlukan pematuhan kepada *due diligence* yang lengkap dan didokumentasikan di dalam tempoh 5 tahun bagi membolehkan bahan mentah atau produk daripada sumber ladang hutan yang dihasilkan ke pasaran EU. Selain daripada itu, keperluan lain yang diperlukan oleh EUDR seperti *geo-location* dan persijilan kawasan pembangunan ladang hutan akan meningkatkan lagi kos pengurusan ladang hutan. Berdasarkan EUDR juga, tiada aktiviti penebangan hutan atau pengusahasilan kawasan hutan dibenarkan selepas 31 Disember 2020. Sekiranya ada, kawasan penubuhan ladang hutan tersebut adalah tidak layak untuk disijilkan sekaligus sumber kayu tidak boleh dieksport ke negara-negara EU.

## MORATORIUM PEMBANGUNAN LADANG HUTAN

Inisiatif untuk melaksanakan moratorium penubuhan ladang hutan dalam Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung merupakan satu komitmen Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi memastikan pembangunan ladang hutan, selari dengan dasar dan objektif penubuhan Zon Penubuhan Ladang Hutan dalam Hutan Simpanan Kekal dengan mengambil kira kepentingan sosioekonomi dan khazanah kepelbagaian biologi negara serta menjamin kestabilan alam sekitar. Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN Ke-79) yang bersidang pada 2 Disember 2021 telah membuat keputusan untuk bersetuju dengan pelaksanaan Moratorium Kelulusan Baharu Penubuhan Ladang Hutan di semua negeri di Semenanjung Malaysia. Kepentingan penetapan moratorium penubuhan ladang hutan dalam HSK adalah seperti berikut:

- (i) Mengkaji dan menilai kejayaan program penubuhan ladang hutan dalam HSK yang telah dilaksanakan;
- (ii) Tempoh moratorium sekurang-kurangnya 15 tahun dikenakan (satu pusingan tebangan) bagi membolehkan kawasan yang ditebang dan dibersihkan tetapi belum ditanam dapat ditanam sepenuhnya;
- (iii) Mengkaji kesan jangka masa panjang program ladang hutan;
- (iv) Mengurangkan perubahan/kehilangan perkhidmatan ekosistem dan bentuk muka bumi HSK; dan



- (v) Memberi peluang dan ruang Kerajaan Negeri memastikan pengusaha ladang lebih proaktif menanam sepenuhnya ladang hutan.

## **PELAN TINDAKAN PROJEK PEMBANGUNAN LADANG HUTAN**

Hutan ladang berpotensi menjadi sumber utama bekalan bahan mentah untuk industri hutan pada masa akan datang. Mempergiatkan pembangunan ladang hutan di tanah kerajaan, tanah rizab, tanah bermilik, kawasan terosot dan kawasan hutan miskin dalam HSK yang sesuai bagi meningkatkan pengeluaran kayu dan bukan kayu. Di antara pelan tindakan yang diambil sepertimana berikut :

- (i) Mengenal pasti dan mewujudkan zon pembangunan ladang hutan dalam HSK;
- (ii) Kajian bagi mengenal pasti spesies-spesies yang sesuai dan mempunyai nilai komersial untuk ladang hutan ke arah mempertingkatkan pulangan hasil;
- (iii) Menggalakkan pembangunan ladang hutan di tanah kerajaan, tanah rizab dan tanah bermilik yang sesuai;
- (iv) Meningkatkan keupayaan tapak samaian bagi tujuan pembekalan anak benih yang berkualiti untuk pembangunan ladang hutan;
- (v) Memperkasa insentif untuk menggalakkan penyertaan pihak swasta dan individu dalam pembangunan ladang hutan;
- (vi) Mewujudkan Skim Pembangunan Ladang Hutan Secara Berkelompok bagi Tanah Bermilik;
- (vii) Melaksanakan Amalan Pengurusan Terbaik dalam pembangunan ladang hutan berasaskan standard pengurusan ladang hutan yang diiktiraf;
- (viii) Meningkatkan jalinan kerjasama antara agensi-agensi berkaitan bagi memantapkan pembangunan ladang hutan; dan
- (ix) Memberi khidmat nasihat dan latihan dalam pembangunan ladang hutan.

## **KESIMPULAN**

Penubuhan ladang hutan merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan bagi memastikan bekalan bahan mentah yang berterusan bagi pertumbuhan industri perindustrian kayu terus berdaya saing di negara ini. Penubuhan ladang hutan bukan sahaja sebagai satu usaha untuk mendapatkan bekalan kayu yang berterusan, malah untuk menggantikan kawasan miskin dan terosot kepada kawasan yang lebih produktif dengan menanam spesies tempatan atau eksotik yang mempunyai kadar tumbesaran yang cepat dan bermutu tinggi. Namun begitu, *Standard Operating Procedure* (SOP) pembangunan ladang hutan dalam Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia harus dilihat semula dan dikaji keberkesannya dalam mengurus, mengawal dan memantau pembangunan ladang hutan dalam Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia.

## **RUJUKAN**

Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia

Dasar Perhutanan Malaysia

Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) 2009-2020

Dasar Agrikomoditi Negara 2021 – 2030 (DKAN 2030)

Garis Panduan Penubuhan Ladang Hutan 2017, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Majlis Perhutanan Negara (1992), (1998), (2000) dan (2006)

Manual Perhutanan Jilid 3, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Pelembagaan Persekutuan (1963), Hal-hal Perkara Undang-Undang Persekutuan dan Negeri

Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bil.01/2010 'Panduan Penilaian Ke Atas Kawasan Dalam Hutan Simpanan Kekal Untuk Pembangunan Ladang Hutan

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan)(Penilaian kesan kepada Alam Sekeiling) 2015 [Perintah EIA 2015]